



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2009**

---

**PELANTIKAN SYARIKAT BAGI  
KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN  
KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERADA  
DI LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSendirian**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan berhubung dengan pelantikan syarikat penanggung insurans kesihatan bagi kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian.

**PELANTIKAN SYARIKAT**

2. Kerajaan telah bersetuju untuk melantik syarikat **Uni. Asia General Insurance Berhad** sebagai syarikat penanggung insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan

Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian. Sehubungan dengan itu, **Lampiran C** di perenggan 8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2004 hendaklah merujuk kepada perenggan seperti berikut:

Kerajaan telah melantik syarikat **Uni. Asia General Insurance Berhad** sebagai syarikat penanggung insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian untuk tempoh tiga (3) tahun mulai **24 Julai 2009 hingga 23 Julai 2012**. Skim perlindungan yang digunakan adalah **Skim Insurans Pengembara** dengan **Pelan TravelStar**. Pembelian yang dibuat dalam tempoh tersebut untuk insurans kesihatan berkaitan skim perlindungan ini boleh dikemukakan kepada syarikat tersebut seperti alamat di bawah:

UNI. ASIA GENERAL INSURANCE BERHAD  
TINGKAT 9, MENARA UNI. ASIA  
1008 JALAN SULTAN ISMAIL  
50250 KUALA LUMPUR  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

TELEFON: 03-27133931 / 03-27133932 / 03-27133934  
FAKS: 03-27133934  
HOTLINE: 1-700-80-4272

### **TARIKH KUAT KUASA**

3. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **24 Julai 2009**.

### **PEMAKAIAN**

4. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukkan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## **PEMBATALAN**

5. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2006 adalah **dibatalkan**.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



( **TAN SRI ISMAIL ADAM** )  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA**

23 Julai 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan